

SULIT

UJIAN PRA PERCUBAAN UPSR 2013

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN
JUN
50 minit

011

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
- 4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

011

**[Lihat halaman sebelah
SULIT]**

Soalan 1 - 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.


- 1 " Tangkap pemuda itu. _____ telah meragut beg _____! " jerit Fatihah kepada orang ramai.

- A Dia...saya
- B Beliau...kami
- C Anda...kita
- D Kami...kita

- 2 Iman dan Fazrul sedang mengayuh basikal._____ bercadang hendak ke rumah Amirul Ariff.

- A Kita
- B Beliau
- C Mereka
- D Hamba

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.




- 3 Puan Noraini sedang memerhati pekerjaan _____ kain songket.

- A menyulam
- B menyirat
- C menganyam
- D menenun

- 4 Badak sumbu suka _____ di dalam air untuk menyejukkan badannya.
- A bergayut
B berendam
C berkокok
D bermain
- 5 Kami terpegun apabila melihat bangunan_____ yang tinggi itu.
- A Zoo Negara
B Muzium Negara
C Menara Kuala Lumpur
D Masjid Negara
- 6 Rambut pengemis itu _____ kerana sudah lama tidak disikat.
- A kusut
B kemas
C kejur
D pudar
- 7 Minyak di dalam mangkuk itu tidak boleh digunakan lagi kerana berbau _____.
- A hanyir
B hapak
C harum
D tengik

- 8 Setiap kali apabila tiba musim perayaan, stesen bas itu _____ sibuk dengan penumpang yang ingin balik ke kampung.
- A akan
B telah
C masih
D sedang
- 9 _____ menghisap rokok itu boleh menjelaskan kesihatan, _____ banyak orang tidak peduli akan bahayanya.
- A Jangankan ...pun
B Sedangkan ... apatah
C Sungguhpun ... namun
D Semakin...semakin
- 10 Persekutaran yang kotor akan mendatangkan pelbagai penyakit.
_____ kita mestilah menjaga kebersihan persekitaran kita.
- A Walau bagaimanapun
B Oleh sebab itu
C Dengan itu
D Dalam pada itu
- 11 Cikgu Ain Melati memaklumkan bahawa _____ tinggi saya ialah 130 sentimeter.
- A diukur
B ukuran
C ukurkan
D mengukur

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



- 12 Muhammad Alif berkongsi _____ dengan pasukannya setelah muncul sebagai johan dalam pertandingan mencipta robot.
- A kesungguhan
 - B kesyukuran
 - C kegembiraan
 - D kebahagiaan
- 13 Pihak kerajaan akan memastikan _____ masalah yang disuarakan itu diselesaikan secepat mungkin.
- A para
 - B segala
 - C seluruh
 - D separuh
- 14 Biskut coklat yang dibuat oleh Mak Cik Yam _____ rangup.
- A sekali
 - B betul
 - C amat
 - D nian

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



15 Pasangan pengantin itu memberikan _____ kepada tetamu yang datang.

- A bunga rampai
- B bunga dedap
- C bunga telur
- D bunga tangkai

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16 Pak Yusman _____ di serambi rumahnya kerana risau akan cucunya yang belum pulang.

- A lekak-lekuk
- B mundar-mandir
- C huru-hara
- D bolak-balik

17 Hubungan _____ adik-beradik akan melahirkan perasaan kasih sayang dan saling bekerjasama.

- A bagi
- B antara
- C seperti
- D demi

18 Mak Minah menggunakan _____ benang untuk menjahit sepasang baju kurung untuk anaknya.

- A segulung
- B sebuku
- C seutas
- D selebar

19 Latif panik apabila bas yang dinaikinya terbabas.
Pilih **perkataan berlawan** bagi panik.

- A tenteram
- B menggelabah
- C tenang
- D sabar

20 Kami mengagihkan derma itu kepada golongan yang layak menerimanya.

Pilih **perkataan seerti** bagi mengagihkan.

- A memberikan
- B menyumbangkan
- C membahagikan
- D mengedarkan

Soalan 21 - 22

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- 21** I Jangan kamu ulangi silap itu lagi.
II "Salah dan silap harap dimaafkan," kata juruacara itu.
III "Kalau tak silap saya, dialah yang menolong adik awak semalam," kata Selvam kepada Rizal.
IV Pertunjukan silap mata itu bermula pada pukul 8.00 malam.
A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 22** I Ibu memerah kelapa untuk mendapatkan santannya.
II Siti terpaksa memerah otak untuk menyelesaikan masalah itu.
III Kakak memerah kain yang baru dibasuhnya.
IV Bapa memerah tangan adik kerana nakal.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja

Soalan 23

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

- 23** Ada sesiapa datang cari ayah di rumah, hari ini?
A Saya pasti akan ada orang datang cari ayah di rumah hari ini.
B Saya tidak pasti kerana saya juga baru balik dari sekolah.
C Mungkin besok orang itu akan datang lagi.
D Kawan ayah dari Johor Bahru telefon petang tadi.

Soalan 24

Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

- 24 Dia memakai topi ke sekolah setiap hari kerana rambutnya telah dicukur licin.
- A Di mana dia memakai topi ke sekolah setiap hari?
 - B Bagaimanakah dia memakai topi ke sekolah setiap hari?
 - C Siapa dia memakai topi ke sekolah setiap hari?
 - D Mengapakah dia memakai topi ke sekolah setiap hari?

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- 25 Encik Fareeq mengedarkan kad jemputan itu kepada jiran-jirannya.
- A Encik Fareeq telah diminta supaya mengedarkan kad jemputan itu kepada jiran-jirannya.
 - B Kad jemputan diedarkan oleh Encik Fareeq kepada jiran-jirannya.
 - C Jiran Encik Fareeq telah mengedarkan kad jemputan itu.
 - D Kad jemputan itu diedarkan oleh jiran Encik Fareeq kepada mereka.
- 26 "Adawiyah, tolong hubungi saya apabila kamu tiba di Dataran Bukit Sekilau nanti," pesan Amirah.
- A Amirah memaksa Adawiyah menghubunginya semasa sampai di Dataran Bukit Sekilau.
 - B Adawiyah digesa oleh Amirah supaya menghubunginya apabila berada di Dataran Bukit Sekilau.
 - C Amirah berpesan kepada Adawiyah agar menghubunginya sebaik tiba di Dataran Bukit Sekilau.
 - D Amirah meminta Adawiyah menghubunginya setelah pulang dari Dataran Bukit Sekilau.

Soalan 27 - 28*Pilih ayat yang betul.*

- 27** I Anyaman tikar mengkuang itu amat kemas sekali.
II Banyak orang-orang singgah di gerai buah-buahan itu.
III Anis mengatakan bahawa dia tidak tahu tentang hal itu.
IV Kasut yang dipakai abang dibuat dari kulit.
A I dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 28** I Dua orang mata-mata sedang mengekori penjenayah itu.
II Kuih yang dihidangkan itu enak-enak belaka.
III Ribuan penonton membanjiri Stadium Bukit Jalil.
IV Setiap murid-murid diwajibkan bergiat dalam aktiviti kelab dan persatuan.
A I, II dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 29 – 30*Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

- 29** "Janganlah menuduh secara _____ sahaja jika kamu tidak Mempunyai bukti yang kukuh," nasihat Soleha kepada adiknya.
- A hentam keromo
B serkap jarang
C telinga nipis
D mata keranjang

- 30 Rakan-rakan Mawi tidak menduga akan kemampuannya menjadi juara dalam pertandingan reka cipta itu kerana selama ini dia _____.
- A seperti aur dengan tebing
 - B seperti harimau menyembunyikan kukunya
 - C seperti mencari sungai yang tidak berhulu
 - D seperti enau dalam belukar

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Natasha murid yang sangat rajin dan baik budi bahasanya. Dia sering menggunakan masa dengan melakukan perkara yang berfaedah. Banyak masanya dihabiskan dengan membaca buku. Oleh sebab itu, dia sering menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pelajarannya. Dia selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan.

Di rumah, Natasha tidak suka membuang masa. Pada waktu lapang, kalau tidak membaca buku, dia akan menolong ibunya menyapu sampah, mengemas rumah, membasuh pakaian yang kotor dan berkebun. Ada ketikanya, Natasha akan bermain dan bergurau senda dengan adiknya. Natasha bijak membahagi-bahagikan masa yang ada. Dia akan memastikan setiap kerja sekolah yang diberi gurunya akan disiapkannya terlebih dahulu sebelum melakukan perkara yang lain. Tanpa disuruh, seminit dua sebelum tidur, Natasha akan membaca buku ataupun membaca sifir. Begitu juga sebelum pergi ke sekolah. Sebelum **melangkah** dari rumah, Natasha akan membaca buku yang ada kaitan dengan pelajaran yang akan dipelajarinya di sekolah nanti. Begitulah cara hidup Natasha setiap hari. Ayah dan ibu menggalakkan dia supaya menghormati orang tua, bersifat jujur dan patuh kepada ajaran agama. Ibu bapanya berharap agar dia maju dalam pelajaran dan berperangai mulia.

Rakan-rakan Natasha suka akan sikapnya yang berbudi bahasa dan pandai menghormati orang tua. Rakan-rakan menyayangi Natasha kerana dia budak baik. Dia suka menolong rakan-rakannya yang mendapat kesusahan. Dia dihormati kerana sikap peramahnya, rajin dan tidak suka membangga diri. Natasha menjadi contoh kepada murid-murid lain dalam kelasnya dan disayangi oleh gurunya. Oleh sebab itu, dia dilantik oleh gurunya menjadi ketua kelas. Natasha menjadi harapan sekolah untuk mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR yang akan dihadapinya pada bulan September nanti.

31 Bagaimanakah harapan ibu bapa Natasha terhadap Natasha?

- A Menolong mereka di rumah setiap masa
- B Bermain dan bergurau senda dengan adiknya
- C Maju dalam pelajaran dan berperangai mulia
- D Menolong rakan-rakannya dalam kesusahan

32 Mengapakah Natasha menjadi harapan sekolah dalam peperiksaan UPSR?

- A Prestasi yang cemerlang dalam pelajarannya.
- B Berbudi bahasa dan pandai menghomati orang tua.
- C Peramah, rajin dan tidak pandai membangga diri.
- D Menjadi contoh kepada murid-murid lain dalam kelas.

33 Perkataan *melangkah* dalam petikan bermaksud

- A Menjejak
- B Mengikut
- C Keluar
- D Injak

34 Pilih pernyataan yang **tidak benar**.

- A Natasha membaca buku dan menghafal sifir sebelum tidur.
- B Natasha merupakan ketua murid di sekolahnya.
- C Natasha selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan.
- D Natasha seorang yang bijak membahagikan masa.

35 Nyatakan aktiviti yang **tidak** dilakukan oleh Natasha pada waktu lapangnya?

- A Bermain dengan adiknya.
- B Menggosok pakaian.
- C Berkebun.
- D Membaca buku.

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Yang Mulia Tuan Penggerusi Majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Pada hari ini saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk 'Pentingnya Tabiat Membaca Dalam Kalangan Kanak-Kanak.'

Tabiat suka membaca merupakan satu sifat yang sangat berfaedah di kalangan kanak-kanak. Melalui tabiat gemar membaca, kanak-kanak dapat menambah ilmu pengetahuan. Selain itu, kanak-kanak juga akan terpelihara daripada terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat seperti sentiasa bermain alat permainan video dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Membaca juga merupakan kunci ke gedung ilmu pengetahuan. Hanya dengan membaca, kanak-kanak dapat menimba pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Tanpa membaca, anak-anak kita akan kekurangan pengetahuan apabila dewasa nanti dan seterusnya membentuk masyarakat yang mundur.

Negara kita sedang melangkah maju untuk mencapai Wawasan 2020. Seharusnya tabiat gemar membaca ini disemai dan dipupuk dalam kalangan kanak-kanak agar bangsa Malaysia pada masa akan datang menjadi bangsa yang berpengetahuan, bermaruah dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Tabiat suka membaca juga dapat menjadikan seseorang itu lebih arif tentang persekitaran dan kehidupan di sekelilingnya. Dengan ini, kanak-kanak yang gemar membaca akan menjadi lebih peka terhadap segala kejadian yang berlaku di sekelilingnya. Pemikiran mereka juga akan lebih cepat matang jika dibandingkan dengan kanak-kanak yang malas membaca.

Setakat ini sahajalah syarahan saya pada hari ini. Saya memohon maaf jika terdapat apa-apa kesilapan semasa menyampaikan syarahan saya sebentar tadi.

Sekian, terima kasih.

- 36 Murid-murid perlu memupuk tabiat gemar membaca **kecuali**
- A untuk menambah ilmu pengetahuan.
 - B agar terpelihara daripada kegiatan yang tidak sihat.
 - C agar menjadi bangsa yang berpengetahuan, bermaruah dan dihormati.
 - D agar dapat meluangkan masa untuk bermain alat permainan video.
- 37 Maksud "membaca juga merupakan kunci ke gedung ilmu pengetahuan" dalam petikan di atas ialah
- A agar kanak-kanak terpelihara daripada aktiviti-aktiviti yang kurang sihat.
 - B untuk menjadikan bangsa Malaysia satu bangsa yang berpengetahuan, bermaruah dan dihormati.
 - C untuk mencapai "Wawasan 2020".
 - D melalui tabiat suka membaca kita akan dapat menimba pelbagai jenis ilmu pengetahuan.
- 38 Apakah kesan secara langsung tabiat suka membaca ini terhadap langkah kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 ?
- A Jualan buku-buku akan lebih laris.
 - B Bangsa yang berpengetahuan, bermaruah dan dihormati
 - C Bangsa yang mundur akan wujud.
 - D Penjualan alat permainan video akan berkurangan kerana tiada sambutan daripada kanak-kanak.

- 39** Antara berikut yang manakah bukti yang menunjukkan bahawa satu pertandingan syarahan telah diadakan?
- A Ada guru
 - B Ada pengurus majlis
 - C Ada hakim
 - D Ada hadirin hadirat
- 40** Manakah antara yang berikut ini **tidak** disentuh oleh peserta syarahan tersebut?
- A Faedah membaca bagi kanak-kanak.
 - B Cara memupuk tabiat suka membaca.
 - C Kesan kurang membaca.
 - D Kesan membaca terhadap "Wawasan 2020".

KERTAS SOALAN TAMAT